

ASAL USUL DAN FUNGSI PERSEMBAHAN TARIAN SAYAU MOGINUM ETNIK DUSUN TATANA

Patricia Jipoh² & Sri Ningsih Sukirman²

^{1&2} Akademi Seni dan Teknologi Kreatif,
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Corresponding Author (s): Patricia Jipoh (email: patriciacyia@gmail.com)

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada tarian *Sayau Moginum* yang merupakan salah satu warisan budaya penting bagi etnik Tatana yang lazimnya menetap di daerah Kuala Penyu, Sabah dan memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti budaya mereka melalui pelbagai tradisi, termasuk tarian. Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan asal usul serta mengenal pasti fungsi tarian *Sayau Moginum* yang diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat Tatana. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk deskriptif yang melibatkan kerja lapangan (*field work*) di empat buah kampung utama di Kuala Penyu. Data diperoleh melalui kaedah temu bual mendalam bersama informan berautoriti seperti penari tradisional, ketua adat, dan penduduk tempatan selain pemerhatian langsung terhadap persembahan tarian yang dirakam melalui teknik video dan fotografi. Hasil kajian menunjukkan bahawa *Sayau Moginum* telah wujud sejak zaman awal kewujudan etnik Tatana dan berkembang sebagai satu bentuk ekspresi budaya yang penting. Tarian ini bukan sahaja berfungsi dalam konteks upacara ritual tetapi juga sebagai hiburan dan medium sosial bagi menjalin hubungan sesama komuniti. Keunikan gerak tari yang dipersembahkan dalam bentuk berkumpulan serta penggunaan busana tradisional menambah nilai estetika dalam setiap persembahan. Oleh itu, dokumentasi ini diharap dapat membantu usaha pemuliharaan tarian *Sayau Moginum* agar tidak pupus ditelan arus pemodenan. Kajian ini juga menyumbang kepada pengkayaan khazanah seni tari etnik di Malaysia serta menjadi rujukan penting dalam bidang antropologi dan kajian budaya tempatan.

Kata Kunci: Asal usul, Fungsi Tarian, Sayau Moginum, Etnik Tatana

ABSTRACT

This study focuses on the Sayau Moginum dance, which constitutes an important cultural heritage of the Tatana ethnic group predominantly residing in the Kuala Penyu district of Sabah. The dance plays a significant role in preserving the cultural identity of the Tatana community through various traditions, including dance performance. This study aims to document the origins and to identify the functions of the Sayau Moginum dance, which has been transmitted across generations within the Tatana community. A qualitative descriptive approach was employed, involving fieldwork conducted in four main villages in Kuala Penyu. Data were collected through in-depth interviews with authoritative informants such as traditional dancers, customary leaders, and local community members, as well as through direct observation of dance performances recorded using video and photographic techniques. The findings indicate that the Sayau Moginum dance has existed since the early formation of the Tatana ethnic group and has developed as an important form of cultural expression. The dance functions not only within ritual contexts but also as a form of entertainment and a social medium that fosters communal relationships. The uniqueness of its group-based movements and the use of traditional costumes enhance the aesthetic value of each performance. Therefore, this documentation is expected to contribute to the preservation of the Sayau Moginum dance amid the challenges of modernization. The study also enriches the body of knowledge on ethnic dance heritage in Malaysia and serves as an important reference in the fields of anthropology and local cultural studies.

Keywords: *Origins, Dance Functions, Sayau Moginum, Tatana Ethnic*

Pengenalan

Penduduk Sabah memiliki keunikan dan keistimewaannya tersendiri dengan adanya kumpulan etnik pribumi yang mempunyai pelbagai kaum etnik, budaya dan tarian tradisionalnya tersendiri yang mampu membezakan identiti sesebuah kaum antara satu sama lain. Contohnya, etnik Kimaragang di daerah Kota Marudu mempunyai tarian *Pinakang*, etnik Murut di daerah Tenom memiliki tarian *Magunatip*, etnik Kadazan di daerah Penampang mempunyai tarian *Sumazau*, dan terdapat banyak lagi tarian yang dimiliki oleh etnik pribumi Sabah yang lain. Sememangnya tarian merupakan salah satu warisan yang diwarisi sejak turun temurun dalam sesebuah masyarakat. Demikian juga tarian Sayau Moginum bagi masyarakat Tatana memiliki keunikan dan keistimewaannya yang telah wujud secara turun temurun bagi masyarakat Tatana di daerah Kuala Penyu.

Tarian Sayau Moginum merupakan tarian tradisional etnik Tatana yang berada di sekitar daerah Kuala Penyu, Sabah yang mulai berkembang pada tahun 1961 setelah wujudnya Pesta Kaamatan pada waktu itu. Pada zaman dahulu, tarian Sayau Moginum ini di namakan Sayau Kadayan yang merupakan tarian pelengkap dalam semua upacara etnik Tatana sahaja (Ismail Abbas & Shaong, 1984) namun pada masa kini, seorang informan lelaki berumur 73 tahun menyatakan tarian ini telah dipersembahkan di atas pentas dengan susun atur ragam gerak yang telah diperhalusi.

Menurut informan lelaki berumur 52 tahun juga menyatakan bahawa etnik Tatana di daerah Kuala Penyu memiliki empat jenis tarian tradisional seperti tarian *Sayau Moginum*, *Sayau Kolombujang*, *Sayau Balandaih* dan *Bakanjar*. Antara keempat-empat tarian ini, tarian Sayau Moginum merupakan tarian utama bagi masyarakat Tatana. Pada zaman dahulu, tarian Sayau Moginum ini hanya ditarikan ketika upacara adat ataupun ritual dilakukan iaitu upacara moginum. Namun pada masa kini, tarian Sayau Moginum berkembang dengan menjadi salah satu tarian yang berfungsi sebagai hiburan dan pergaulan di mana tarian Sayau Moginum ini dipersembahkan di mana-mana majlis rasmi atau tidak rasmi seperti majlis perkahwinan dan Pesta Kaamatan di daerah Kuala Penyu.

Sehubungan itu, tarian *Sayau Moginum* dapat dikenal pasti sebagai suatu bentuk seni tari tradisional yang telah wujud dan diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat etnik Tatana. Kepentingannya bukan sahaja terletak pada nilai estetika yang terkandung dalam ragam gerak dan busana tradisional, tetapi juga pada fungsi sosial dan ritual yang mendalam dalam konteks kehidupan masyarakat Tatana. Justeru, usaha pemeliharaan dan pendokumentasian tarian ini amat penting agar ia tidak lenyap ditelan arus pemodenan dan globalisasi yang semakin pesat. Keunikan tarian ini dari aspek bentuk persembahan, simbolik gerak, serta peranannya dalam pelbagai upacara kebudayaan telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian secara mendalam. Kajian ini menumpukan kepada analisis terhadap asal usul serta fungsi tarian *Sayau Moginum* bagi memastikan maklumat berkaitan dapat direkodkan secara sistematik serta dijadikan rujukan dalam usaha pemuliharaan warisan budaya masyarakat Tatana.

Permasalahan Kajian

Persembahan tarian masyarakat etnik Dusun Tatana dalam aspek asal usul tarian *Sayau Moginum* ini sering disampaikan secara lisan. Hal ini telah menyebabkan kesukaran masyarakat tempatan untuk mendapatkan maklumat berkaitan asal usul tarian ini kerana hanya boleh dirujuk kepada individu tertentu sahaja yang sudah berumur 70 tahun ke atas. Ianya sangat membimbangkan jika individu tersebut meninggal dunia dan tidak meninggalkan sebarang dokumen mengenai tarian *Sayau Moginum* ini. Selain itu, disedari bahawa persembahan tarian *Sayau Moginum* juga mengalami perubahan fungsi dan harus dikaji dengan lebih teliti agar dapat diketahui oleh masyarakat lebih-lebih lagi tarian ini merupakan tarian utama etnik Dusun Tatana. Oleh hal yang demikian, pengkaji berperanan penting untuk mendalami pengetahuan tentang asal usul dan fungsi persembahan tarian *Sayau Moginum* ini.

Sorotan Literatur

Asal usul tarian jarang dapat dikaitkan dengan tarikh yang tepat kerana amalan tarian telah wujud jauh sebelum adanya dokumentasi bertulis (Sachs, 1937). Beberapa sarjana berpendapat bahawa tarian boleh dijejak sejajar dengan kewujudan manusia itu sendiri sebagai medium ekspresi ritual, sosial dan simbolik (Rust, 1969). Kajian terhadap tarian rakyat dan tarian tradisional turut menunjukkan bahawa banyak bentuk tarian telah muncul sejak zaman prasejarah, dan sejarah perkembangannya lazimnya dihuraikan melalui interpretasi terhadap fungsi ritual dan sosial, bukannya berdasarkan bukti empirikal yang lengkap (Cass, 1993; Adshead-Lansdale & Layson, 1994).

Dalam konteks Sabah, tarian tradisional umumnya dikenal pasti berasal daripada tiga sumber utama, iaitu ritual, peniruan pergerakan binatang dan permainan tradisional. Kepelbagaian ini membezakan tradisi tarian di Sabah daripada beberapa wilayah lain yang lazimnya hanya mengaitkan asal usul tarian dengan ritual dan pergerakan binatang. Secara keseluruhan, keadaan ini mencerminkan hubungan yang rapat antara tarian, kosmologi dan kehidupan seharian masyarakat tempatan. Secara khusus, kajian terdahulu menunjukkan bahawa tarian Sayau Moginum dalam masyarakat Tatana berasal daripada amalan ritual yang berkait dengan upacara tradisional (Sri Ningsih, 2020).

Dalam kajian ini, Moginum ditakrifkan sebagai satu bentuk upacara ritual tradisional masyarakat Tatana yang bertujuan berhubung dengan roh nenek moyang, manakala Sayau merujuk kepada gerak tari atau pergerakan berirama yang dipersembahkan dalam konteks ritual dan sosial. Istilah fungsi pula merujuk kepada peranan, tujuan dan makna sosial tarian dalam kehidupan masyarakat, khususnya dalam konteks upacara, hiburan dan pergaulan, selaras dengan konsep fungsi dalam kajian tradisi rakyat dan seni persembahan (Bascom, 1965; Dundes, 1980).

Perkembangan seni tari merupakan suatu proses yang dinamik dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti sosial, budaya, ekonomi, politik dan kemajuan teknologi (Jazuli, 1994). Oleh itu, tarian tradisional tidak bersifat

statik, sebaliknya sentiasa mengalami perubahan dari segi bentuk, struktur persembahan dan fungsi. Beliau juga mengklasifikasikan fungsi tarian kepada empat kategori utama, iaitu tarian sebagai sarana upacara, persembahan, hiburan dan pendidikan. Kajian-kajian terdahulu turut membuktikan bahawa perubahan bentuk dan fungsi tarian bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor dalaman masyarakat, tetapi juga oleh faktor luaran seperti komersialisasi, globalisasi dan interaksi antara budaya (Taylor, 2003).


Walau bagaimanapun, kajian akademik berkaitan tarian Sayau Moginum masih terhad dan kebanyakannya bersifat deskriptif umum. Penyelidikan terdahulu lebih menumpukan kepada huraian budaya secara umum atau bergantung sepenuhnya kepada sumber lisan tanpa analisis sistematik terhadap perubahan fungsi, bentuk persembahan dan makna sosial tarian ini dalam konteks masyarakat Tatana kontemporari. Selain itu, pengetahuan berkaitan tarian Sayau Moginum diwarisi secara lisan dan berisiko terhakis akibat perubahan generasi serta kemerosotan amalan tradisional. Keadaan ini mewujudkan jurang kajian yang jelas dan menuntut satu penyelidikan yang lebih sistematik dan berfokus.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian kepada mengenal pasti asal usul tarian Sayau Moginum dalam masyarakat Tatana. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengisian jurang ilmu dalam bidang kajian seni tari tradisional Sabah serta berperanan sebagai usaha pendokumentasian warisan budaya tidak ketara. Kajian ini juga memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang keupayaan masyarakat Tatana menyesuaikan tradisi ritual dengan keperluan kontemporari tanpa menafikan nilai dan makna budaya asalnya.

Metodologi

Kerja lapangan ini, pengkaji hanya fokus kepada empat buah kampung di Mukim Sitompok, Mukim Bundu dan Mukim Kilugus yang terdiri daripada Kampung Bundu, Kampung Kelampun, Kampung Gorowot dan Kampung Kiambor dijadikan sebagai lokasi kajian Peta 1. Hal ini kerana, majoriti etnik Dusun Tatana mendiami kampung tersebut yang masih bergiat aktif dalam aspek kebudayaan dan arif tentang hal-hal etnik Dusun Tatana yang telah diberikan cadangan oleh Dr. Monih Epin iaitu Setiausaha Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah (STCA). Kaedah kerja lapangan telah dilakukan di Kampung Bundu pada 7 hingga 8 November 2019 dan 3 hingga 4 Februari 2024 yang dihadiri masyarakat Dusun Tatana daripada kampung yang berdekatan dengan memberi sokongan maklumat yang pengkaji perlukan.

Peta 1: Lokasi Kajian Daerah Kuala Penyu Mengikut Mukim



Sumber : (<http://www.PetaMukimDaerahKualaPenyu>)

Selain itu, berdasarkan tinjauan awal, pengkaji telah berjaya mengenal pasti beberapa informan utama, termasuk Ketua Adat, jurulatih kebudayaan, Ketua Kampung, dan pengamal adat yang masih aktif. Informan ini dipilih kerana mereka memiliki pengetahuan yang mendalam serta memahami dan mempraktikkan budaya tradisional etnik Tatana. Kebanyakan informan berada dalam lingkungan usia 40 hingga 70 tahun. Jadual 1 memperincikan senarai informan yang telah ditemu bual dalam kajian ini.

Jadual 1: Menunjukkan Senarai Informan

Bil	Nama	Umur	Jantina
1	Wences Angang	73	Lelaki
2	Monih Epin	52	Lelaki
3	Jokleh Binti Agom	58	Perempuan
4	Kamloi Tanim	75	Lelaki
5	Nuri Suram	64	Lelaki

Dapatan Kajian dan Perbincangan

a) Asal Usul Etnik Dusun Tatana

Menurut cerita yang disampaikan oleh seorang informan yang berumur 73 tahun, nama Tatana diwujudkan oleh masyarakat selepas berlakunya peristiwa peperangan. Kedatangan orang Cina telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat Tatana, seperti amalan meraikan Perayaan Tahun Baharu Cina. Mereka juga mempunyai bahasa tersendiri yang dikenali sebagai Gia Tatana dan bahasa tersebut diwarisi secara turun-temurun. Masyarakat Tatana pada asalnya mengamalkan kepercayaan animisme. Namun, setelah kedatangan mubaligh Kristian dari Barat pada tahun 1881, sebahagian besar masyarakat Tatana telah memeluk agama Kristian. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat segelintir masyarakat Tatana yang menganut agama Islam dan Buddha. Menurut beliau juga, terdapat sebuah komuniti di Wilayah Bunduyung yang berketurunan Cina telah berkahwin dengan masyarakat etnik lain seperti Dusun, Bisaya dan Brunei sehingga mereka akhirnya turut dikenali sebagai Tatana. Selain itu, masyarakat Tatana juga menggunakan tulisan Cina

yang membolehkan mereka berinteraksi antara satu sama lain dan mengaplikasikan kemahiran matematik dalam bidang perniagaan dan pengiraan.

Selain itu, penempatan utama kumpulan masyarakat Tatana ini adalah di sekitar daerah Kuala Penyu. Perkataan ‘tatana’ dalam bahasa Tatana bermaksud tanah. Suku kaum ini dikatakan asal usul nenek moyang mereka adalah daripada lubang tanah. Sejarah di sebalik cerita itu bermula apabila kaum Tatana ini diserang oleh suku kaum Bisaya. Serangan itu menyebabkan mereka terpaksa menggali lubang tanah untuk bersembunyi dan berlindung. Apabila keadaan sudah selamat mereka keluar dari lubang tersebut. Melalui peristiwa itulah etnik ini dikenali sebagai Tatana (Low Kok On, 2005).

Menurut informan lelaki yang berumur 52 tahun juga, masyarakat Tatana di Kuala Penyu mempercayai mereka mempunyai kaitan dengan masyarakat pengaruh cina. Kebanyakan masyarakat Tatana telah mewarisi tradisi yang bercampur dengan tradisi orang cina. Sebagai contoh, masyarakat Tatana mengadakan Pesta Odou Bakanjar selepas 15 hari sambutan Tahun Baru Cina diadakan. Pengaruh cina ini dipercayai daripada pedagang orang cina membuatkan masyarakat Tatana ketika ini mengetahui membuat alat-alat pertanian, cara bercucuk tanam, berdagang antara orang cina dan dusun terus berkembang sehingga kini dan menyebabkan populasi bertambah di Kuala Penyu. Menurut dua orang informan lelaki yang berumur 73 tahun dan 52 tahun juga menyatakan, istilah ‘Tatana’ sebagai nama bagi suku kaum Tatana wujud melalui sebuah cerita lagenda iaitu Cerita Boruruk. Kisah daripada cerita ini telah mewujudkan sebuah gendang ritual yang diperbuat daripada kulit anak naga yang dinamakan Boruruk. Gendang ajaib tersebut telah menyebabkan berlakunya pergaduhan di kalangan orang kampung dan mengamuk antara satu sama lain. Kejadian tersebut telah menyebabkan orang kampung membuang gendang itu ke dalam sungai dan hanyut ke kampung-kampung lain. Apabila kampung lain mengambil gendang tersebut, di kampung tersebut juga turut mengalami situasi yang sama setelah memalu gendang tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan kucar-kacir di kalangan orang kampung yang memalu gendang tersebut. Setelah mereka mengetahui asal usul gendang tersebut, mereka berasa sangat marah sehingga berlakunya

satu peperangan besar di antara puak. Bagi menyelamatkan diri, masyarakat Tatana telah bersembunyi dalam gua di bawah tanah. Setelah peperangan itu mulai redah, masyarakat Tatana keluar dari tempat persembunyian tersebut dan menamakan diri mereka sebagai orang Tatana.

Tuntasnya, masyarakat Tatana sememangnya mempunyai keunikan tersendiri kerana terdapat banyak unsur budaya yang diserap ke dalam masyarakat ini seperti budaya Cina dan Tatana masih memelihara adat dan budaya sehingga kini. Hal ini penting kerana melalui pemeliharaan budaya, identiti dan jati diri masyarakat dapat dipertahankan dalam arus pemodenan yang semakin mencabar. Selain itu, warisan dan budaya serta sejarah masyarakat ini haruslah dikekalkan agar menjadi sumber rujukan kepada generasi yang akan datang. Pewarisan nilai-nilai tradisional seperti adat resam, bahasa, tarian dan amalan kebudayaan dapat memupuk rasa bangga dalam kalangan generasi muda terhadap asal usul mereka. Oleh itu, usaha berterusan daripada semua pihak termasuk masyarakat Tatana itu sendiri, pihak berkuasa dan institusi pendidikan amat diperlukan bagi memastikan warisan ini terus hidup dan tidak luput ditelan zaman.

b) Asal Usul Tarian Sayau Moginum


Tarian Sayau Moginum pada asalnya dipanggil Sayau Kadayan. Namun, pihak STCA memutuskan untuk mengubah nama tarian tersebut kerana tidak sesuai dan ianya melibatkan nama etnik lain iaitu etnik Bisaya. 'Sayau' bermaksud tarian manakala 'Moginum' bermaksud minum. Umumnya, 'Moginum' bagi masyarakat Dusun adalah bermaksud minum tapai tetapi bagi masyarakat Tatana, 'Moginum' tidak bermaksud minum tapai kerana minum tapai bermaksud 'mompoginum' dalam bahasa Tatana. 'Moginum' di ambil daripada adat Moginum masyarakat etnik Tatana, Kuala Penyu.

Menurut seorang informan perempuan yang berumur 58 tahun, tarian Sayau Moginum ini telah wujud sejak nenek moyang lagi iaitu ketika etnik Tatana belum menganut sebarang agama. Ianya diperkenalkan dan ditarikan oleh mereka yang mempunyai kepercayaan sendiri iaitu pagan. Tarian ini ditarikan selepas selesainya upacara Moginum untuk mengalu-alukan

kedatangan semangat. Sedikit ringkasan mengenai upacara Moginum oleh etnik Tatana. Upacara Moginum dilakukan selepas hari ke 10 si mati dikubur. Hidangan yang ada ketika upacara ini berlangsung adalah kerbau, ikan yu, sayur bukan berwarna hijau dan montoku (minuman keras). Pantang larang bagi upacara ini adalah tidak boleh menyediakan tumbuhan berwarna hijau contohnya sayur-sayuran berwarna hijau. Pantang larang ini masih dikekalkan sehingga sekarang untuk menghormati si mati. Masyarakat Tatana mempercayai bahawa apabila dihidangkan oleh sayur-sayuran yang berwarna hijau, roh si mati yang berkeliaran ketika ternampak sayuran yang dihidangkan dan dia merasakan dirinya masih hidup.

Tarian Sayau Moginum ini diketuai oleh si *Pengalai* iaitu sebagai ketua dan terdapat lagi seorang lelaki yang dipanggil *Ponyinggarung* iaitu lelaki yang membawa minuman. Jumlah penari dalam tarian ini juga tidak terhad. Tarian ini mendapat inspirasi daripada gerak burung dan rama-rama serta simbolik kepada penghormatan kepada kaum wanita kerana dalam tarian ini, penari lelaki tidak akan menyentuh penari perempuan.

Rajah1: Tarian Sayau Moginum Dalam Tiga Upacara Moginum



Pada zaman dahulu, tarian Sayau Moginum ini hanya ditarikan ketika upacara adat ataupun ritual dilakukan iaitu Moginum. Upacara Moginum ini diadakan dalam beberapa acara iaitu Moginum Kahwin (sempena perkahwinan anak perempuan sama ada sulung atau bongsu), Moginum Kaul (mengubati orang sakit Sinimponomgon atau keteguran roh nenek moyang) dan Moginum Loyob (memperingati roh seseorang yang telah meninggal dunia). Menurut seorang informan lelaki berumur 64 tahun, ritual ini akan diadakan selama dua hari bermula pada hari pertama yang dipanggil bomasak iaitu proses penyediaan pelbagai jenis makanan untuk dihidangkan terutama kolupis (beras pulut yang dimasak dengan santan) dalam kuantiti yang banyak.

Tarian Sayau Moginum merupakan salah satu warisan budaya masyarakat Tatana yang pada asalnya dipersembahkan dalam upacara ritual tradisional khususnya semasa upacara Moginum iaitu satu bentuk ritual yang berkaitan dengan pemujaan roh nenek moyang dan semangat padi. Tarian ini pada mulanya bukanlah hiburan biasa, sebaliknya mempunyai makna spiritual dan simbolik yang mendalam dalam kehidupan masyarakat Tatana. Walau bagaimanapun, seiring peredaran zaman, tarian ini mula diperkenalkan kepada khalayak ramai melalui persembahan di pentas umum khususnya semasa Pesta Kemaatan diraikan setiap tahun. Pada masa kini, tarian Sayau Moginum bukan sahaja dikenali sebagai satu bentuk seni persembahan tradisional malah telah mengalami anjakan fungsi apabila turut dijadikan sebagai tarian sambut tamu dalam pelbagai majlis rasmi dan tidak rasmi di daerah Kuala Penyu. Perkara ini menunjukkan bahawa masyarakat setempat berusaha menyesuaikan budaya tradisional dengan konteks moden tanpa mengabaikan nilai asalnya.

Menurut seorang informan lelaki yang berumur 64 tahun juga, tarian Sayau Moginum masih kekal sebagai elemen utama dalam ritual Moginum yang terus diamalkan di daerah Kuala Penyu sehingga hari ini. Namun, beliau mengatakan bahawa ritual Moginum ini sudah kurang dilakukan semenjak ramai masyarakat Tatana telah memeluk agama masing-masing dan kali terakhir beliau mengendalikan ritual ini pada tahun 2019. Hal ini telah membuktikan bahawa meskipun terdapat perubahan dari segi konteks persembahan, aspek spiritual dan keasliannya masih lagi terpelihara dalam

kalangan masyarakat yang masih berpegang teguh kepada adat resam nenek moyang mereka. Oleh itu, tarian Sayau Moginum ini buatkan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan dan penyambut tetamu tetapi juga sebagai simbol warisan budaya yang memperlihatkan leteguhan masyarakat Tatana dalam mengekalkan identiti dan tradisi mereka dari generasi ke generasi.

Tarian Sayau Moginum merupakan salah satu tarian tradisional masyarakat Tatana dengan nilai budaya yang mendalam. Tarian ini juga biasanya diketuai oleh seorang individu yang dikenali sebagai Si Pengalai iaitu ketua kumpulan penari yang memainkan peranan penting dalam memimpin gerak tari dan menyampaikan makna spiritual yang terkandung dalam persembahan. Di samping itu, terdapat juga seorang lelaki yang dikenali sebagai Ponyinggarung yang bertanggungjawab membawa minuman tradisional yang mempunyai fungsi ritual dalam konteks asal tarian ini. Ponyinggarung melambangkan unsur penyatuan, persembahan dan penghormatan kepada roh nenek moyang serta kepada tetamu yang hadir. Jumlah penari dalam tarian ini tidak terhad kepada bilangan tertentu yang menjadikan tarian ini sebuah persembahan yang bersifat terbuka dan inklusif. Hal ini telah memberi ruang kepada lebih ramai individu untuk turut serta sekali gus memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam komuniti.

Selain itu, gerak tari dalam tarian Sayau Moginum pula diilhamkan daripada pergerakan burung dan rama-rama, yang melambangkan kelembutan, kebebasan dan keharmonian dengan alam semula jadi. Inspirasi ini diterjemahkan melalui pergerakan tangan yang lembut, gerakan badan yang berirama, serta pergerakan kaki yang perlahan dan terkawal, menyerupai keanggunan makhluk-makhluk tersebut ketika terbang. Unsur ini menjadikan tarian Sayau Moginum bukan sekadar persembahan fizikal, tetapi juga sebagai lambang hubungan rapat masyarakat Tatana dengan alam dan makhluk ciptaan Tuhan. Selanjutnya, salah satu aspek paling menarik dalam tarian ini ialah nilai penghormatan yang tinggi terhadap kaum wanita. Dalam keseluruhan persembahan, penari lelaki tidak akan menyentuh penari perempuan secara fizikal. Larangan ini mencerminkan adab, kesopanan, dan penghormatan yang dipegang teguh dalam budaya Tatana terhadap wanita. Ia juga menunjukkan bahawa interaksi dalam budaya tradisional mereka sangat

dijaga dan berpaksikan nilai moral yang tinggi. Secara keseluruhannya, tarian Sayau Moginum bukan sahaja indah dari segi persembahan, tetapi juga kaya dengan nilai estetika, simbolik budaya, dan pengajaran sosial yang masih relevan untuk difahami dan dihargai oleh generasi masa kini.

c. Fungsi Tarian Sayau Moginum

Perubahan fungsi tarian Sayau Moginum ini berhubungkait dengan perubahan konsep persembahan tarian Sayau Moginum pada masa kini. Fungsi dalam konteks kajian tradisi rakyat (folklore) merujuk kepada apakah kegunaan dan tujuan sesuatu bahan tradisi rakyat dalam sesebuah masyarakat (Dundes, 1980). Secara umumnya folklore mempunyai empat fungsi terhadap fungsi tradisi rakyat iaitu hiburan yang merupakan fungsi utama, memperakukan aspek budaya masyarakat (validating culture), pendidikan dan mengekalkan kepatuhan kepada bentuk tingkah laku yang diterima oleh masyarakat (Bascom, 1965). Selain itu, tarian di Indonesia berfungsi sebagai tarian upacara, tarian hiburan dan tarian pertunjukkan. Tarian upacara yang dimaksudkan adalah tarian berunsur magis yang telah dipraktikan oleh masyarakat silam. Tarian hiburan pula merujuk kepada tarian yang memberikan tumpuan kepada unsur hiburan bukan melihat kepada keindahannya (Soedarsono, 1978). Manakala tarian pergaulan (sosial dance) merupakan tarian pergaulan di kalangan masyarakat baik golongan bangsawan mahupun masyarakat biasa. Oleh hal yang demikian, pengkaji menjadikan fungsi folklore sebagai panduan umum bagi mendalami fungsi tarian Sayau Moginum. Pengkaji turut mengenal pasti beberapa fungsi dalam tarian Sayau Moginum ini seperti yang telah dinyatakan oleh (Bascom, 1965; Soedarsono, 1978).

Fungsi asal tarian Sayau Moginum adalah sebagai tarian upacara yang bersifat sakral. Ia merupakan sebahagian daripada ritual tradisional masyarakat Tatana yang diketuai oleh Bobolian, iaitu individu yang memiliki kepakaran dalam menjalankan upacara dan memiliki kedudukan istimewa dalam masyarakat. Tarian ini biasanya dipersembahkan selepas selesai ritual Moginum, yang bertujuan menyambut dan mengalu-alukan kehadiran roh nenek moyang (Ismail Abbas & Charles Shaong, 1984). Selain Moginum, tarian ini turut menjadi sebahagian daripada pelbagai upacara lain seperti

Mogukas, Memanta, Beganding, Barasik dan Basal. Berdasarkan pengamatan dan maklumat daripada informan tempatan, gerakan tarian yang dipersembahkan oleh Bobolian dilakukan secara spontan dan tidak mengikut susunan koreografi tertentu. Setiap ragam gerak dipercayai datang daripada ilham roh atau kuasa ghaib, menjadikan tarian ini mempunyai unsur magis, seperti yang dihuraikan oleh (Soedarsono, 1978) dalam konteks tarian upacara masyarakat Indonesia. Oleh itu, fungsi utama tarian Sayau Moginum pada peringkat awal adalah ritualistik dan spiritual, bukan untuk tontonan awam.

Namun begitu, dalam era moden yang dipengaruhi oleh globalisasi, pendidikan, agama dan perubahan politik, fungsi tarian Sayau Moginum telah berkembang kepada bentuk hiburan. Transformasi ini berlaku apabila masyarakat tidak lagi mengamalkan upacara animisme secara meluas seiring dengan penerimaan agama Kristian, Islam dan kepercayaan moden lain dalam kalangan masyarakat Tatana. Upacara-upacara sakral semakin berkurangan lalu tarian Sayau Moginum mengalami penyesuaian bentuk dan konteks. Kini, tarian ini dipersembahkan dalam pelbagai majlis rasmi dan tidak rasmi seperti Pesta Kaamatan, majlis perkahwinan, sambutan ulang tahun dan acara rasmi kerajaan. Dalam konteks ini, tarian Sayau Moginum telah melalui proses penstrukturan semula, khususnya dari segi koreografi, kostum, solekan dan susun atur pola lantai. Jika dalam upacara tradisional gerak tari bersifat spontan dan bersumber dari alam spiritual, persembahan dalam bentuk hiburan kini melibatkan gerakan yang tersusun, berulang dan estetik, disesuaikan untuk pentas dan penonton umum. Pola lantai tarian hiburan juga telah berubah kepada bentuk yang lebih dinamik dan teratur berbanding persembahan dalam upacara yang lebih sederhana dan simbolik. Begitu juga dengan kostum dan penampilan penari yang kini menggunakan busana yang lebih berwarna-warni dan solekan artistik, berbanding pakaian tradisional yang digunakan dalam ritual dahulu. Perubahan ini memperlihatkan bagaimana tarian ini diolah untuk memenuhi fungsi hiburan tanpa menafikan elemen tradisi yang asal.

Selain berfungsi sebagai hiburan, tarian Sayau Moginum juga memainkan peranan sebagai tarian pergaulan dalam masyarakat Tatana. Fungsi ini selaras dengan konsep social dance seperti yang dihuraikan oleh (Soedarsono, 1978), iaitu tarian yang merapatkan hubungan sosial antara

anggota masyarakat. Dalam konteks Tatana, salah satu contoh yang ketara ialah acara Sayau Mibaisan yang diadakan semasa majlis perkahwinan. Dalam acara ini, kedua-dua belah keluarga pengantin lelaki dan perempuan akan menari bersama sebagai simbolik kepada penyatuan hubungan kekeluargaan dan sosial. Tarian Sayau Moginum dalam konteks ini bukan sahaja membuka ruang kepada interaksi antara generasi dan lapisan masyarakat, tetapi juga berfungsi sebagai medium memelihara keharmonian dan nilai kebersamaan. Fungsi ini memperlihatkan aspek dinamik tarian tersebut yang bukan hanya bersifat ritualistik atau hiburan semata-mata, tetapi juga sebagai alat sosial dalam mengeratkan hubungan komuniti.

Secara keseluruhannya, fungsi tarian Sayau Moginum dalam masyarakat Tatana telah mengalami perubahan yang ketara daripada fungsi upacara yang sakral kepada fungsi hiburan dan pergaulan yang lebih terbuka dan fleksibel. Perubahan ini sejajar dengan teori fungsi tradisi rakyat yang dikemukakan oleh (Bascom, 1965) dan (Dundes, 1980), yang melihat tradisi sebagai sesuatu yang berubah mengikut keperluan dan konteks masyarakat. Transformasi fungsi ini menunjukkan keupayaan masyarakat Tatana untuk menyesuaikan tradisi warisan dengan keperluan kontemporari tanpa menghapuskan sepenuhnya nilai dan makna asalnya. Namun, bagi memastikan kelangsungan tarian ini sebagai warisan budaya yang asli, adalah penting untuk mendokumentasikan fungsi asalnya secara sistematik dan menggalakkan pemindahan ilmu kepada generasi muda, agar perubahan tidak menyebabkan kehilangan makna yang mendalam dalam budaya masyarakat Tatana. Oleh itu, jadual 1 menunjukkan perbandingan fungsi dan konteks persembahan tarian Sayau Moginum.

Jadual 1 : Perbandingan Fungsi dan Konteks Persembahan Tarian Sayau Moginum

Aspek	Upacara (Ritual)	Hiburan (Pentas)	Pergaulan (Sosial)
Konteks	Ritual Moginum	Festival, majlis rasmi, pentas	Majlis perkahwinan, komuniti
Pelaku	Bobolian	Penari terlatih	Ahli keluarga, masyarakat
Ragam Gerak	Spontan, ilham roh	Disusun, berulang, estetik	Fleksibel
Pola Lantai	Minimum, simbolik	Terancang, dinamik	Bebas, berorientasi interaksi
Muzik Tujuan	Iringan ritual Keberkesanan ritual	Muzik dipilih/diolah Hiburan dan tontonan	Muzik tradisional santai Interaksi dan penyatuan sosial
Audiens	Ahli keluarga	Penonton umum	Peserta itu sendiri

Kesimpulan

Kajian ini meneliti tarian Sayau Moginum sebagai salah satu warisan budaya tidak ketara yang signifikan dalam kalangan masyarakat etnik Tatana di daerah Kuala Penyu, Sabah, dengan memberi tumpuan kepada aspek asal usul, fungsi dan perubahan konteks persembahannya. Berdasarkan data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual mendalam, pemerhatian lapangan dan dokumentasi visual, kajian ini membuktikan bahawa tarian Sayau Moginum berakar daripada amalan ritual masyarakat Tatana yang berkait rapat dengan kepercayaan animisme dan pemujaan roh nenek moyang. Pada peringkat awal, tarian ini berfungsi sebagai elemen sakral dalam upacara Moginum dan beberapa ritual lain, di mana pergerakan tari bersifat spontan dan dikaitkan dengan unsur spiritual serta autoriti Bobolian sebagai pemimpin upacara.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa perubahan sosio-budaya, penerimaan agama baharu serta pengaruh pemodenan telah mendorong kepada transformasi fungsi tarian Sayau Moginum daripada tarian upacara kepada tarian hiburan dan pergaulan. Transformasi ini dapat dilihat melalui perubahan ketara dalam struktur persembahan seperti penyusunan koreografi, penggunaan pola lantai yang lebih terancang, pemilihan kostum dan solekan yang bersifat estetik, serta peralihan audiens daripada peserta ritual kepada

penonton umum. Walaupun berlaku penyesuaian bentuk persembahan bagi memenuhi keperluan konteks moden, elemen tradisi dan identiti budaya Tatana masih dikekalkan melalui simbolik gerak, peranan watak seperti Si Pengalai dan Ponyinggarung, serta penggunaan muzik dan busana tradisional.

Selain itu, kajian ini menegaskan bahawa tarian Sayau Moginum turut memainkan peranan penting sebagai tarian pergaulan dalam masyarakat Tatana, khususnya dalam acara sosial seperti majlis perkahwinan. Dalam konteks ini, tarian berfungsi sebagai medium interaksi sosial yang mengeratkan hubungan kekeluargaan dan komuniti, sekali gus mencerminkan nilai kebersamaan, keharmonian dan penghormatan yang menjadi teras budaya Tatana. Pembezaan yang jelas antara fungsi upacara, hiburan dan pergaulan membuktikan bahawa tarian Sayau Moginum bersifat dinamik dan adaptif, selaras dengan teori fungsi tradisi rakyat yang menekankan perubahan tradisi mengikut konteks masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pendokumentasian awal yang sistematik terhadap tarian Sayau Moginum, sekali gus mengisi jurang kajian dalam bidang seni tari tradisional Sabah yang sebelum ini lebih bergantung kepada pengetahuan lisan. Dari sudut akademik, kajian ini memperkaya wacana mengenai transformasi fungsi tarian tradisional dalam masyarakat pribumi serta menyokong kefahaman bahawa perubahan tidak semestinya membawa kepada kehilangan makna budaya. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar usaha pemeliharaan tarian Sayau Moginum dilaksanakan secara berterusan melalui dokumentasi beretika, pemindahan ilmu antara generasi dan penglibatan aktif komuniti setempat, supaya warisan budaya ini dapat terus dipelihara dan dimaknai dalam landskap budaya Malaysia yang berbilang.

Penghargaan

Segala puji dan syukur kepada Tuhan kerana kajian mengenai asal usul dan fungsi persembahan tarian Sayau Moginum dalam kalangan masyarakat Tatana di daerah Kuala Penyu ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Kajian ini tidak akan dapat diselesaikan tanpa sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak yang telah memberikan dorongan, tunjuk ajar serta maklumat berharga sepanjang proses penyelidikan dijalankan.

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada informan utama iaitu Tan Sri Wences Angang, Encik Monih Epin, dan kepada Ketua Adat serta Ketua-Ketua Kampung atas kesudian berkongsi ilmu, pengalaman dan maklumat berkaitan sejarah, budaya dan amalan masyarakat Tatana. Sumbangan mereka amat penting dalam memberikan kefahaman yang mendalam mengenai konteks sebenar tarian Sayau Moginum dalam kehidupan masyarakat setempat.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah (STCA) yang telah memberikan sokongan serta cadangan lokasi dan informan yang relevan untuk kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada penduduk Kampung Bundu, Kampung Kelampun, Kampung Gorowot dan Kampung Kiambor yang telah menerima kehadiran pengkaji dengan tangan terbuka serta memberi kerjasama yang amat baik sepanjang kerja lapangan dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada penyelia, rakan-rakan penyelidik, dan ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan moral dan galakan sepanjang penulisan artikel ini. Semoga segala sumbangan dan jasa baik semua pihak mendapat ganjaran yang setimpalnya.

Rujukan

- Abbas, I., & Shaong, C. (1984). *Tarian-tarian tradisional negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Adshead-Lansdale, J., & Layson, J. (1994). *Dance history: An introduction*. London & New York: Routledge.
- Bascom, W. R. (1965). Four functions of folklore. Dalam A. Dundes (Ed.), *The study of folklore* (hlm. 279–298). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Cass, J. (1993). *Dancing through history*. New York: Paperback Press.
- Dundes, A. (1980). *Interpreting folklore*. Bloomington, IN: Indiana University Press.
- Jazuli, M. (1994). *Gerak tari: Tinjauan dari pelbagai dimensi*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Low, K. O. (2005). *Membaca mitos dan legenda Kadazandusun*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rust, F. (1969). *Dance in society*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Sachs, C. (1963). *World history of the dance*. New York: W. W. Norton & Company.
- Soedarsono. (1978). *Pengantar pengetahuan dan komposisi tari*. Yogyakarta: Akademi Seni Tari Indonesia (ASTI).
- Sri Ningsih Sukirman. (2020). Asal usul tarian tradisional pelbagai budaya di luar dan di Sabah. *Gendang Alam*, 10(2), 1–15.
- Taylor, D. (2003). *The archive and the repertoire: Performing cultural memory in the Americas*. Durham, NC: Duke University Press.